



Jadikan keusahawanan dan pertanian peluang pekerjaan baharu – Noh Omar



SERDANG, 9 Sept - Graduan institut pengajian tinggi (IPT) disaran mengenepikan sikap suka bekerja 'makan gaji' sebaliknya menjadikan bidang keusahawanan terutama sektor industri kecil dan sederhana (IKS) sebagai peluang pekerjaan baharu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata bekerja sendiri dan memiliki perniagaan adalah satu opsyen kerjaya yang wajar diceburi untuk pelajar yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan di peringkat menara gading.

"Keusahawanan merupakan bidang kerjaya yang sangat penting di negara ini. Kerajaan menjadikan bidang keusahawanan terutama sektor IKS sebagai penyumbang kepada perkembangan ekonomi pada masa akan datang.

"Saya percaya UPM juga mempunyai pelbagai rancangan dan pelan tindakan yang akan menjayakan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. Matlamat program keusahawanan universiti adalah untuk membentuk pelajar sebagai pencipta kerjaya dan bukan sekadar pencari kerja.

"Anda harus merebut peluang dengan menyertai sebanyak mungkin program keusahawanan yang dianjurkan oleh universiti," katanya ketika menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Menteri Sempena Minggu Perkasa Putra Pelajar Baharu Semester Pertama Sesi 2011/2012 baru-baru ini.

Pada majlis itu, Noh turut menggalakkan supaya graduan menjadikan bidang pertanian sebagai sebahagian daripada kerjaya kerana ia mampu menawarkan pelbagai peluang perniagaan yang menguntungkan.



Menurutnya, untuk menggalakkan graduan mencebur ke sektor pertanian moden kelab MyAgrosis akan diwujudkan di semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk di UPM.

"Melalui MyAgrosis, pelajar diberikan latihan dan pendedahan menyeluruh mengenai penanaman, penternakan dan pemprosesan makanan menggunakan teknologi moden dan terkini serta kaedah pemasaran.

"Pendedahan ini penting bagi siswazah untuk memilih dan mengusahakan sektor pertanian sebagai kerjaya yang menguntungkan selepas mereka menamatkan pengajian nanti," katanya.

Beliau berkata kementeriannya sedang mengenal pasti kawasan di IPTA bagi memulakan program tersebut secara sistematis dan berskala besar.

Menurut Noh bagi menjayakan program itu satu perjanjian persefahanan akan ditandatangani bersama Kementerian Pengajian Tinggi pada Disember nanti. Tambahnya lagi, Agrobank juga bersetuju untuk menyediakan dana sebanyak RM10 juta bagi menjayakan MyAgrosis.

Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm) (Mohd. Martin Abdul Kahar. Jurugambar Noor Azreen Awang, 03-8946 6199).